

**Anifah Optimis Prospek Musa Dalam Pemilihan UMNO
Bernama
5 Ogos, 2013**

KOTA KINABALU, 5 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman optimis bahawa Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman akan menerima sokongan padu daripada Umno Sabah sekiranya beliau memutuskan untuk bertanding satu daripada tiga jawatan naib presiden pada pemilihan parti Oktober ini.

"Saya percaya sekiranya ketua menteri mahu bertanding jawatan naib presiden, saya pasti beliau akan mendapat sokongan padu dari Sabah," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa anjuran kementeriannya di Kota Kinabalu, Sabtu malam.

Anifah, adik Musa, diminta mengulas kenyataan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah Datuk Seri Salleh Said pada Sabtu bahawa Musa adalah pilihan tepat dari negeri ini untuk bertanding satu daripada tiga jawatan naib presiden.

Salleh dipetik sebagai berkata bahawa Musa, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, seorang pemimpin yang berwawasan dan berpengalaman dengan kualiti kepimpinan baik.

"Setiap orang mempunyai pendapat sendiri tetapi saya tidak fikir setiap orang dalam parti berhak untuk bertanding.

"Apa pun, ketua menteri akan buat keputusan -- apa yang terbaik untuk parti dan apa yang terbaik untuk rakyat," kata Anifah, yang juga Ketua UMNO Bahagian Kimanis.

Pada pilihan raya umum ke-13 baru-baru ini, BN Sabah diterajui Musa, mengekalkan kuasa di negeri ini dengan majoriti dua pertiga dengan memenangi 48 daripada 60 kerusi Dewan Undangan Negeri. BN negeri juga memenangi 22 daripada 25 kerusi Parlimen di Sabah untuk menyumbang kepada pembentukan kerajaan BN di peringkat persekutuan.

Ditanya sama ada beliau akan bertanding jawatan di peringkat Majlis Tertinggi UMNO, Anifah berkata kemungkinan tidak kerana beliau akan mendapati agak sukar untuk membahagikan masa sebagai menteri kabinet dan mengendalikan hal ehwal parti.

Katanya, beliau juga tidak pasti sama ada akan mempertahankan jawatan Ketua UMNO Bahagian Kimanis.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=968379>